

RAKYAT DIAJAK GEMBLENG USAHA PASTIKAN KESTABILAN NEGARA

Dr. M: BN mampu hapus pengangguran

GAMBAR-
GAMBAR DI
MUKA 21

JUM 18 JUN 1990

Oleh
Aziz Ishak

KUALA LUMPUR 17 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) ber-upaya, untuk menghapuskan pengangguran di negara ini dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Perdana Menteri berkata, kadar pengangguran yang kini berada pada tahap tujuh peratus, akan dapat dikurangkan kira-kira tiga peratus tahun depan atau berikutnya dan boleh dihapuskan beberapa tahun kemudiannya.

Dalam hubungan itu, beliau mengajak seluruh rakyat menggembleng usaha dan bekerjasama memastikan kestabilan negara kerana ia merupakan syarat terpenting ke arah matlamat tersebut.

"Insyallah, kita akan memperoleh nikmat dari usaha dan niat yang baik. Itu bukan sahaja janji saya tetapi juga janji Allah kepada umatnya," katanya semasa berucap di hadapan kira-kira 10,000 orang sempena lawatan ke bahagian UMNO Lembah Pantai di Bukit C, Pantai Dalam di kawasan perumahan Bukit Angkasa, Kampung Kerinchi di sini petang ini.

Sebelum itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menghadiri taklimat mengenai persiapan menghadapi pilihanraya bahagian-bahagian UMNO Wilayah Persekutuan di Wisma Belia MAYC, Jalan Syed Putra dan taklimat tertutup itu disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Dato' Drs. Suleiman Moha-

med.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, salah satu langkah terpenting yang akan terus diambil oleh kerajaan ialah melaksanakan dasar buruh negara yang mampu memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada para pekerja di negara ini.

Katanya, kegiatan pelaburan asing yang menngkat pesat tahun ini dijangka akan terus meningkat dan kerajaan akan melipatgandakan usahanya ke arah menarik lebih ramai pelabur.

"Kita bukan bertujuan untuk mengkayakan para pelabur asing walaupun mereka datang untuk mencari keuntungan. Tetapi apa yang lebih penting ialah menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat kita," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, hasrat kerajaan untuk menghapuskan pengangguran mungkin sukar dicapai jika sebahagian besar rakyat bersikap negatif dan tidak mahu memberikan kerjasama.

Perlu bersabar

Kata beliau, rakyat bukan sahaja perlu bersabar dalam menghadapi kekurangan tertentu bahkan harus berusaha mengekalkan suasana aman dan tenteram.

"Kita tidak harus asyik mengugut atau mogok kerana ini merjejaskan kemajuan pelaburan asing ke negara ini.

"Bila perkara seumpama itu terjadi pelabur akan bertumpu ke negara yang lebih stabil dan rakyat khususnya pekerja di negara inilah yang akan rugi," katanya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, potensi para pekerja negara ini untuk memperoleh gaji yang lebih tinggi sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka, adalah cerah jika pelaburan asing di Malaysia cergas.

Serentak dengan itu, beliau mengecam pemimpin Kongres Kesatuan Se-

LIHAT MUKA 2

BN MAMPU HAPUS PENGANGGURAN

UM 18 JUN 1990

kerja Malaysia (MTUC), Encik Zainal Rampak dan Encik V. David kerana bekerjasama dengan pihak berkuasa di Amerika Syarikat untuk menarik balik status Skim Keutamaan Am (GSP).

Katanya, kedua-dua pemimpin MTLJC itu yang juga pemimpin Parti Semangat 46 dan DAP sebenarnya telah "membubuh pasir ke periuk nasi" lebih beribu-ribu pekeja di negara ini.

"Tindakan mereka bukan sahaja boleh mengakibatkan 130,000 pekerja elektronik di negara ini hilang pekerjaan, bahkan juga memusnahkan peluang generasi pekerja akan datang," tegasnya.

Beliau mengajak seluruh rakyat supaya menginsafi kesan buruk yang akan menimpa rakyat sekiranya usaha untuk "memusnahkan" mata pencarian rakyat yang didalangi oleh para pemimpin itu berjaya.

Katanya, ia turut mengakibatkan kelemahan ekonomi di mana rakyat tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara hidup dan berbelanja.

Di majlis itu juga, Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berharap rakyat akan mempunyai semangat kental untuk menyokong kerajaan dalam menghadapi pilihanraya umum yang akan diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

"Kita harus bersabar dan jangan lemah semangat untuk menunggu

pilihanraya umum akan datang," katanya.

Turut hadii di majlis tersebut ialah isteri Perdana Menteri, Dato' Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Dato' Drs. Suleiman Mohamad, Pengemsi MIC Wilayah Persekutuan, Dato' S. Subramaniam dan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar.

Kira-kira 800 orang pekeja Harris Malaysia hadir di majlis dan turut menyatakan sokongan kepada usaha kerajaan untuk mengekalkan GSP.

Terdahulu dari itu, Dato' Sri Dr. Mahathir telah merasmikan Taman Perumahan Bukit Angkasa, Madrasatul Abdaiyah dan mendengar taklimat mengenai projek perumahan di kawasan itu.

Perdana Menteri yang disambut meriah tiba

dengan melambailambatkan tangan kepada rakyat yang mengerumuninya dan berjabat tangan dengan orang ramai selepas berucap.

Inilah lawatan pertama beliau ke bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara bagi "menyerang balas" segala tuduhan dan tohmahan parti-parti pembangkang, sebagai persiapan menghadapi pilihanraya umum.